

MAC 2021: EDISI KHAS WANITA

CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



**WIRAWATI
FGV**



NOTA GCEO

FGV Mengalu-alukan Pelantikan Dato' Dzulkifli Abd Wahab Sebagai Pengerusi

Warga FGV sekalian,

Bagi pihak FGV Holdings Berhad, saya berbesar hati mengucapkan "Selamat Datang" kepada YBhg Dato' Dzulkifli Abd Wahab sebagai Pengerusi Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif FGV berkuatkuasa 1 April 2021.

Dato' Dzulkifli, 65, bukanlah nama yang asing di dalam industri sawit negara. Beliau telah memulakan kerjaya bersama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejak tahun 1977 sehingga memegang jawatan Pengarah Besar di antara tahun 2009 sehingga 2012.

Dengan 35 tahun pengalaman luas dalam bidang perladangan dan pengurusan FELDA serta hal ehwal



peneroka, Dato' Dzulkifli juga terlibat secara langsung di dalam pelaburan FELDA di dalam anak-anak syarikat, syarikat usahasama dan syarikat-syarikat bersekutunya.

Dato' Dzulkifli pernah menjadi Pegawai Atase Pertanian di Kedutaan Malaysia di Rom, Itali dan mewakili negara dalam Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Program Makanan Dunia dan Pembangunan Pertanian Kewangan Antarabangsa, PBB. Beliau juga dilantik dan berkhidmat sebagai Ahli Majlis FAO, Timbalan Pengerusi Kumpulan FAO Asia pada tahun 2014 dan sebagai Ahli Jawatankuasa untuk Masalah Komoditi di FAO pada tahun 2015.

Beliau kini merupakan ahli Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (NASH) – *the Think Tank Group* dan juga seorang Perunding / Ketua Industri Tenaga dan Sumber di Evant & Co.

Saya percaya di bawah kepimpinan Dato' Dzulkifli sebagai Pengerusi FGV, FGV akan dapat meneruskan program transformasi BP21 dan mencapai kejayaan yang diharapkan.

Bagi pihak Kumpulan, saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg Datuk Wira Azhar Abdul Hamid di atas khidmat dan jasa bakti beliau sebagai Pengerusi sejak 8 September 2017 sehingga 31 Mac 2021.

Terima Kasih.

Haris Fadzilah Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
FGV Holdings Berhad



Pengerusi FGV
Dato' Dzulkifli Abd Wahab

■ Terima Kasih Datuk Wira Azhar!



Dari kiri: Datuk Mohd Anwar Yahya, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi

Warga FGV mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya kepada mantan Pengerusi Datuk Wira Azhar Abdul Hamid yang menamatkan perkhidmatannya pada 31 Mac 2021. Datuk Wira Azhar dilantik sebagai Pengerusi FGV pada 8 September 2017 dan telah melaksanakan pelbagai program pemulihan di dalam Kumpulan FGV.

Ucapan penghargaan turut dirakamkan untuk dua ahli Lembaga Pengarah Datuk Mohd Anwar Yahya dan Dr. Mohamed Nazeeb P.Alithambi yang turut menamatkan perkhidmatan mereka pada 31 Mac. Dato Mohd Anwar dilantik pada 23 November 2017 manakala Dr. Mohamed Nazeeb dilantik pada 31 Oktober 2017.



WIRAWATI FGV

KOO SHUANG YEN

Setiausaha Syarikat

Ibu saya mempunyai pegangan hidup iaitu 'Saya boleh melakukan apa sahaja dan segala-galanya' dan beliau akan mencari masa, cara dan kaedah untuk memenuhi perancangan yang dibuat untuk keluarga. Beliau mengajar saya tentang kepentingan peranan ibu di dalam keluarga dan mengatakan bahawa ibulah yang sering menyatukan dan menjaga keluarga.

Kepelbagaian bakatnya mendorong saya untuk belajar kemahiran-kemahiran baharu untuk kekal relevan dan kegigihannya mendorong saya untuk menempuh cabaran baharu dalam pekerjaan dan karier saya. Nasihat-nasihat ibu mendorong saya untuk menjaga diri sendiri demi keluarga dan menjaga keseimbangan kerja-kehidupan dengan merancang kerja lebih awal dan tidak meninggalkannya hingga saat akhir. Suami saya juga adalah penyokong terbesar saya. Dia amat memahami tuntutan pekerjaan saya.

Di dalam kerjaya, kemahiran teknikal dan kemahiran insani (*soft skills*) sama pentingnya untuk pembangunan kerjaya tetapi, sebaik sahaja menjadi lebih berjaya dan berpengaruh, kemahiran insani menjadi lebih penting.

Wanita yang berkerjaya mesti lebih empati terhadap rakan sekerja dan kakitangannya yang merupakan ibu yang bekerja.



NOR MARHAMAH YAHYA

Penasihat Undang-Undang

Sebagai peguam, saya telah dilatih untuk memikirkan akibat terburuk yang boleh berlaku di dalam setiap transaksi dan saya akan selalu bertanya pada diri sendiri dan juga rakan sekerja yang lain "bagaimana kalau?". Soalan-soalan ini membuatkan saya sentiasa berfikir sehingga kadang kala terlebih berfikir namun inilah juga yang mendorong saya untuk memberikan yang terbaik di dalam kerjaya saya dan pada masa yang sama dapat menjaga kepentingan syarikat.

Saya tahu memang sukar untuk mengimbangkan antara keluarga dan kerjaya terutamanya ketika anak-anak anda masih kecil tetapi percaya lah, ia akan menjadi lebih baik.

Sementara itu, utamakan perkara yang penting dan mintalah pertolongan sekiranya terdapat terlalu banyak perkara yang perlu dilakukan.

Di dalam kerjaya, saya percaya kita perlu bekerja dengan bijak dan sentiasa merendah diri. Penghormatan adalah sesuatu yang diperoleh, bukan hak.



SITI NORBAYA

MOHAMMAD SARIF

Ketua Pegawai Sumber Manusia

Untuk melakukan yang terbaik, saya dididik oleh kedua ibu bapa saya bahawa "niat" adalah kompas kita untuk mencapai kejayaan. Mempunyai matlamat juga memberi makna kepada apa yang ingin dicapai. Motivasi saya datang dari kerendahan hati dan kebaikan terutamanya jika ia memberi kesan terhadap seseorang. Saya percaya, berbuat baik adalah "sewa" yang kita bayar untuk tempat kita di dunia ini.



Memang sebagai wanita kita perlu bekerja lebih keras untuk membina kerjaya tetapi untuk berjaya dalam apa pun yang kita lakukan, kita perlu bersemangat, yakin dan jangan pernah mengalah. Saya juga amat bertuah kerana mendapat seorang ketua, rakan-rakan sekerja dan pasukan Sumber Manusia yang menyokong dan mendorong saya untuk memberikan yang terbaik.

Di zaman ini, tiada lagi garis pemisah di antara kerjaya dan keluarga. Kita boleh sentiasa berhubung dengan rangkaian hubungan masa kini. Cabaran akan terus mendatang tetapi kita sebenarnya lebih kuat dari apa yang kita sangkakan. Tentukan keutamaan kita dan jangan hiraukan perkara yang remeh-temeh.

ZALILY

MOHAMED ZAMAN KHAN

Ketua Audit Dalaman

Inspirasi melakukan yang terbaik datang daripada ayah saya sendiri. Sewaktu beliau bertugas sebagai pegawai kanan polis dan seterusnya sebagai Ketua Pengarah Penjara, beliau sentiasa menyahut cabaran, mengorak langkahnya dengan penuh yakin dan sentiasa mengambil peluang untuk mengubah situasi yang mencabar kepada sesuatu yang positif. Saya percaya, pemikiran dan tatacara kerja saya banyak dipengaruhi oleh cara beliau berdepan dengan cabaran. Setiap hari adalah peluang untuk saya belajar perkara atau situasi baru dan memperoleh pencapaian yang lebih baik. Apabila menghadapi situasi yang sukar, saya memikirkan bagaimana untuk menanganinya dengan lebih baik dan ini yang saya terapkan kepada ahli-ahli pasukan saya.



Di samping itu, kehadiran anak-anak menjadi motivasi buat saya. Saya suka melihat kegembiraan mereka yang membuatkan saya lebih peka dalam mencari kebaikan dalam sesuatu perihal yang berlaku agar sentiasa bersikap positif kerana ianya mampu membina keluarga yang positif juga. Suami saya merupakan penyokong setia dalam segala hal dan sentiasa memberi semangat untuk saya berusaha mencapai kejayaan.

Sentiasalah merancang lebih awal dalam merangka aktiviti harian untuk diri anda dan keluarga, supaya anda mampu mempelbagaikan tugasan bagi menyelesaikan setiap perkara yang memerlukan perhatian anda. Sediakan persekitaran yang efisien supaya anda memperoleh lebih masa untuk bersama dengan keluarga. Saya rasa bertuah kerana dianugerahkan kebolehan untuk memproses maklumat dan isu-isu dan melakukan banyak perkara secara serentak. Kebolehan ini saya gunakan sepenuhnya di pejabat dan di rumah, disamping memantau keperluan kedua ibu bapa saya dan juga melibatkan diri dalam kerja-kerja amal bersama kawan-kawan. Kekuatan seorang wanita itu terletak pada pemikirannya. Anda mampu mencapai kejayaan dengan kombinasi feminiti dan pemikiran intelek yang jitu.

NURUL HASANAH AHAMED HASSAIN MALIM

Ketua Bahagian Kelestarian Kumpulan

Perjalanan untuk berada di kedudukan saya sekarang tidak berlaku semalaman. Ianya bermula dengan sebuah impian. Impian untuk menjadi yang terbaik.

Dari kata-kata Topher Kearby, "Perkara yang indah tentang masa depan adalah bahawa ia masih sebuah impian. Ini boleh menjadi apa sahaja dan segalanya. Itulah perasaan yang paling luar biasa."

Kita harus berani memperjuangkan apa yang kita percayai, walaupun kadang-kala kita terpaksa bersendirian. Inilah cabaran yang perlu dihadapi jika ingin terus maju ke hadapan.



Bagi ibu-ibu yang berkerjaya pula, kita tidak akan menemui sebuah manual standard yang sesuai untuk semua - untuk saya, saya melalui semua cabaran itu sehari demi sehari, itu sudah cukup.

Empat cahaya mata saya sentiasa dan akan sentiasa menjadi faktor motivasi saya untuk terus maju.

ZUR'AIN MADON

Ketua Bahagian Kecemerlangan Operasi

Saya tidak pernah memandang perbezaan jantina sebagai penghalang apa yang ingin saya lakukan. Di pejabat, saya memandang semua petugas sebagai rakan sekerja tetapi ada segelintir yang melihat saya hanya sebagai seorang wanita. Walaupun secara amnya ramai yang mengatakan bahawa dunia ini didominasi oleh lelaki tetapi ini adalah anggapan dan tidak patut dijadikan halangan. Wanita sentiasa memainkan peranan yang penting di dalam sejarah peradaban manusia. Di negara kita misalnya, semua rakyat tidak kira lelaki atau perempuan diberikan hak yang sama untuk mendapat pendidikan. Ini adalah permulaan untuk mencorakkan generasi masa depan. Kita mempunyai ramai pemimpin wanita berjawatan tinggi yang dikagumi, antaranya bekas Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan bekas Menteri Perdagangan dan Industri Tan Sri Rafidah Aziz.

Sebagai ketua, saya tidak membezakan anak-anak buah saya. Penulis Tony Robbins berkata, "Kita mempunyai dua pilihan: membuat kemajuan atau membuat alasan. Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih."



Di dalam kerjaya, kita bukan sahaja memerlukan komitmen untuk memulakan sesuatu, tetapi kita juga perlukan kecekalan untuk menghabiskannya. Ini yang saya terapkan di dalam pasukan saya, kita harus terus cekat menghadapi segala bentuk cabaran untuk mencapai kejayaan.

AZNUR KAMA AZMIR

Pegawal Kewangan Kumpulan

5



Saya yakin pencapaian kita adalah suatu pilihan dan saya pilih untuk menunaikan amanah yang diberikan dengan terbaik. Arwah ayah saya dan keluarga saya kini adalah tulang belakang saya. Alhamdulillah, saya juga mempunyai sistem sokongan yang sangat kuat di FGV di semua bahagian terutamanya Bahagian Kewangan.

Fikirkan BEST

Kecantikan (*Beauty*) tidak kekal selamanya dan yang penting

adalah kekuatan dalaman anda. Pastikan anda sentiasa kelihatan profesional di pejabat untuk meningkatkan keyakinan diri dan keyakinan mereka di sekeliling anda.

Terima (*Embrace*) hakikat perbezaan pandangan lelaki dan wanita di pejabat. Sentiasa bersabar dan sentiasa maafkan diri sendiri dan orang lain untuk mencapai kebahagiaan.

Berjuang (*Strive*) untuk kejayaan dan sentiasa berusaha untuk menjadi seseorang yang lebih baik dari semalam.

Fikir (*Think*) jangka panjang dan kekal fokus siapa diri kita sebenarnya dan ke mana kita akhirnya.

InsyaAllah, kita akan berjaya dalam apa jua yang kita lakukan samada dari segi kerjaya mahupun kehidupan berkeluarga.

ROZIYATULSHIMA ZAMIL

Ketua Pegawai Eksekutif FGV Biotech Sdn Bhd



Saya membesar bersama ibu dan adik-beradik di Kuala Kangsar ketika ayah bekerja di Kuala Lumpur dan hanya pulang di hujung minggu. Bagi saya ibulah yang memainkan peranan yang amat besar dalam mendidik dan mengasuh kami enam beradik sehingga dapat menjejakkan kaki ke menara gading. Kecekapan beliau menguruskan keluarga dan menjadi "guru" di rumah adalah inspirasi di dalam menjalani kehidupan saya. Apabila menghadapi cabaran, saya sentiasa mengingatkan diri tentang betapa cecalnya ibu membesarkan kami dan setiap masalah pasti akan ada penyelesaiannya.

Sewaktu menyertai Felma Marketing Services (Felma) pada lewat 1990an, saya merupakan satu-satunya pedagang atau *trader* wanita ketika itu. Penyertaan saya dalam pasukan disambut baik oleh ketua dan rakan setugas yang didominasi lelaki. Latihan sebagai *trader* banyak dibentuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif Felma, Allahyarham Ehsan Bahauddin yang tidak jemu memberi tunjuk ajar dan beliau tidak pernah membezakan anak-anak didiknya. Saya tidak diberi keistimewaan kerana saya seorang wanita dan saya juga diberi peluang yang sama rata dengan rakan-rakan yang lain untuk terus maju dalam kerjaya. Kini lebih ramai wanita diberi peluang menyertai pasukan traders kumpulan.

Cabaran utama untuk wanita masa kini adalah mengimbangi antara kerjaya dan kehidupan. Bagi saya ia haruslah berjalan seiring namun harus diakui tiada yang sempurna. Tetapkan prioriti dan lebih penting kita mesti 'enjoy' dan bersemangat dalam bekerja. Pastikan ada waktu untuk keluarga kerana mereka merupakan sistem sokongan terkuat dalam mengharungi kehidupan yang kompleks ini. Untuk kesihatan fizikal dan mental saya gemar bersukan santai dengan rakan rakan seperti menyertai acara larian dan mendaki agar lebih produktif.

Kita harus terus memajukan diri dengan mempelajari kemahiran-kemahiran baharu dan memanfaatkan teknologi masa kini untuk membantu kehidupan kita.



Jawatankuasa Kesaksamaan Gender Dan Pemerkasaan Wanita Tanda Sokong Hak-Hak Wanita FGV

FGV komited untuk mengintegrasikan perspektif gender bagi memenuhi tanggungjawab Kumpulan dalam menghormati hak asasi manusia. Jawatankuasa Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita yang baharu ditubuhkan bulan ini bertujuan membantu Kumpulan dalam mempromosikan penghormatan dan sokongan penuh terhadap hak-hak wanita di tempat kerja berdasarkan kesaksamaan dan tanpa diskriminasi. Dengan mewujudkan persekitaran yang membolehkan wanita mendapat akses yang sama bagi semua peluang, FGV akan dapat menerapkan pendekatan responsif gender dan *gender-mainstreaming* dalam operasi.



ALMA, Jenama Makanan Haiwan Berkhasiat Tinggi Keluaran FGV

Sokongan kepada industri makanan haiwan tempatan akan diteruskan melalui rangkaian produk makanan haiwan ALMA yang baharu. Produk bebas daripada antibiotik dan merangkumi formulasi yang sihat untuk makanan lembu dan lembu tenusu, makanan kambing dan biri-biri, makanan ayam dan ayam tempatan, makanan mineral semulajadi dan makanan tambahan untuk ternakan. Sektor Pertanian Bersepadu mewujudkan program pengedaran untuk memastikan makanan tersebut sampai ke petani tempatan dengan efektif di seluruh Semenanjung. Jumlah pengedar juga akan ditingkatkan pada tahun ini.



Sistem E-Dompit Memudahkan Pekerja Migran FGV Menguruskan Kewangan

Inisiatif perkhidmatan pembayaran tanpa tunai untuk memudahkan pembelian barangan keperluan pekerja ladang migran terus diperkasakan bagi membolehkan pekerja ladang migran mengawal dan mengurus kewangan mereka secara lebih efisien. Sebagai syarikat perladangan pertama di Malaysia yang mempelopori aplikasi sistem dompet elektronik (e-dompit), FGV telah melaksanakan pembayaran gaji tanpa tunai untuk 95 peratus operasi perladangannya di Semenanjung Malaysia, melibatkan 17,682 pekerja ladang migran. Baki lima peratus melibatkan 861 pekerja ladang migran dijangka selesai dilaksanakan pada suku pertama 2021.



13 Menara Telekomunikasi Binaan FGV Prodata Untuk Penduduk Terengganu

FGV Prodata dilantik sebagai penyedia infrastruktur menara telekomunikasi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP 1) serta menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision*) SKMM. Infrastruktur telekomunikasi ini menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu dimiliki oleh penduduk negeri Terengganu. Ia juga bertujuan menambah kelajuan dan kestabilan capaian internet di pusat-pusat internet komuniti (PIK) untuk membantu usahawan kecil meningkatkan pendapatan dan memperluaskan pasaran produk-produk mereka.



■ Ladang FGV Teruskan Momentum Sijil QE/5S



Momentum penganugerahan Pensijilan QE/5S kepada operasi perladangan FGV diteruskan dengan pengiktirafan terbaharu diberikan kepada satu lagi ladang contoh Konsep Model Perladangan yang dibangunkan oleh Jabatan Kecemerlangan Operasi (*Operational Excellence*). Kali ini giliran Ladang FGV Sahabat 11 di Lahad Datu, Sabah menerima pengiktirafan tersebut, menjadikan ia sebaris dengan ladang dan kilang contoh yang terdahulu dianugerah pensijilan tersebut.

Sehingga kini, tujuh daripada lapan model perintis Konsep Model Perladangan FGV telah menerima Pensijilan QE/5S sejak Mac tahun lalu.

FGV merupakan syarikat sektor perladangan pertama di Malaysia yang menerima pengiktirafan pensijilan ini.

Berdasarkan laporan audit Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 16 Feb, Ladang FGV Sahabat 11 telah mencatat pemarkahan sebanyak 87.37% yang membolehkan ladang tersebut mencapai taraf tertinggi tiga bintang. Pencapaian tiga bintang ini pernah diraih Kilang Sawit Embara Budi di Sabah.

Majlis penyampaian sijil ini telah diadakan di Pejabat MPC Sabah pada 10 Mac lalu, dan FGVP telah diwakili oleh Md Yahaya Judin, Ketua Zon Sabah.

Menteri MPIC Lawat Kompleks FGV Di Pahang



FGV berbesar hati menerima kunjungan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Dr Mohd. Khairuddin Aman Razali pada 12 Mac ke Kompleks FGV Krau 04, Bentong dan Kilang Sawit Mempaga di Pahang bagi meninjau pelaksanaan serta pematuan prosedur operasi standard (SOP) pandemik COVID-19.

Pengarah Bahagian Perladangan Kumpulan, Syed Mahdhar Syed Hussain dan Ketua Bahagian Sawit Huluayan & CEO FGVP Mohd Sarian Md Sahid mewakili pihak pengurusan mengiringi YB Menteri mendengar taklimat dan penerangan oleh pihak pengurusan ladang dan kilang mengenai operasi syarikat dalam mematuhi SOP ketat dan langkah yang di ambil bagi memantau status kesihatan petugas untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19.

■ Pembinaan Mesin *Bore Air* oleh Ladang FGV Sahabat 21



Pekerja-pekerja di Ladang Sahabat 48 kini boleh menarik nafas lega apabila tidak lagi perlu menunggu penghantaran sumber air bersih ke asrama. Kedudukan asrama yang agak jauh dari sumber air terawat, penghantaran air bersih secara berkala terpaksa dilakukan oleh syarikat.

Melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh sekumpulan petugas berikutan kejayaan mereka membina mesin tersebut di Ladang Sahabat 21, kini pekerja di asrama boleh mendapatkan bekalan air bersih secara langsung dengan pembinaan mesin yang bernilai kurang

dari RM18,000. Kos pembinaan yang menggunakan bajet inovasi 2020 ini adalah lebih jauh murah berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh kontraktor luar, serta memberi penjimatan kepada syarikat apabila tidak perlu menanggung kos penghantaran air menggunakan traktor atau lori.

Inisiatif ini bukan sahaja memanfaatkan pekerja malah secara langsung membantu program pengairan di ladang. Umum mengetahui bahawa ladang-ladang di FGV Zon Sabah kurang menerima hujan, maka program pengairan menggunakan mesin *bore air* ini dapat membantu kelembapan tanah dan kesuburan pokok sawit bagi mencapai hasil maksima.

Tahniah Pemenang Resepi Paling Popular

Undian berdasarkan "Like" terbanyak di Facebook FGV

Peraduan Memasak DUTA FGV

TEMPAT PERTAMA



Ikan Masak 3 Rasa SAJI
Haslan Amiruddin,
FGVR - Tawau Oil Products
(225 likes)

TEMPAT KEDUA



Kari Kepala Ikan
Suhaili Noradila Jumat, FGVH
(158 likes)

TEMPAT KETIGA



Udang Buttermilk
Dasirah Pidarta,
FGVPI Kilang Sawit Embara Budi
(138 likes)

Para Pemenang akan dihubungi oleh Transformation Management Office

RESIPI PILIHAN

Ikan Masak 3 Rasa SAJI

Kali ini kami tampilkan resepi dari pemenang resepi paling popular dari Peraduan Memasak Duta FGV yang telah mendapat lebih dari 4,000 tontonan di Facebook FGV. Jom kita cuba!

Bahan-Bahan

Ikan yang sudah digoreng dan ditoskan
2 biji bawang putih
1 biji bawang besar (dihiris)
2 inci halia
2 batang serai
2 sudu besar air asam jawa
2 tangkai cili besar (dihiris)
Minyak Masak SAJI
1 sudu besar sos tiram SAJI
1 sudu besar sos cili SAJI
Gula prai MSM
Garam gunung SAJI
Tepung jagung

Cara-Cara Memasak

1. Tumis bawang putih, halia, bawang besar dan cili besar bersama minyak masak SAJI.
2. Masukkan sedikit air serta sos tiram SAJI dan sos cili SAJI.
3. Masukkan serai dan biarkan sehingga masak sepenuhnya.
4. Akhir sekali, tuangkan masakan ini ke atas ikan yang sudah digoreng dan ditoskan tadi.

Siap untuk dihidangkan!



**DROPSHIP
DIPERLUKAN**

**Peluang Menjana
Pendapatan**

Klik untuk info
<https://t.me/DroshipFgavsInfo>

TANYA DOKTOR POKOK



S: Bagaimanakah cara mengetahui bahawa tanaman tersebut sudah cukup air atau tidak?

- Nor Zaini Zakaria, FGVH

J: Cara paling mudah adalah dengan memeriksa kelembapan tanah dalam pasu. Apabila tanah lembap, lembut dan mudah ditekan dengan jari bermaksud air sudah mencukupi. Jika tanah keras, maka perlu disiram dengan segera. Jika tanah adalah lembik dan melekit pada jari, bermakna tanah terlebih siram dan tidak bagus untuk

pengudaraan dan pertumbuhan akar dalam tanah.

S: Boleh terangkan perbezaan jika saya menggunakan pasu tanah liat/pasu seramik dan pasu plastik untuk tanaman saya?

- Islina Ismail, FGVH

J: Pasu seramik/tanah liat tidak menyerap haba dengan banyak walaupun diletakkan di bawah matahari yang panas terik, jadi ia tidak menjejaskan pertumbuhan akar di sekeliling pasu tersebut. Tetapi, pasu plastik lebih mudah menyerap haba apabila diletakkan di bawah matahari yang panas terik, maka lebih sesuai digunakan dalam *indoor*.

S: Benarkah indoor plant boleh membersihkan udara tanpa sedar?

- Mohd Abdul Rashid Mohammad, FGV Prodata

J: Tumbuhan *indoor* dapat membebaskan gas oksigen yang

diperlukan oleh manusia serta menyerap gas karbon dioksida yang dibebaskan oleh manusia dalam proses fotosintesisnya. Manakala, pokok juga membebaskan kelembapan semasa proses transpirasinya, jadi secara tidak langsung pokok *indoor* dapat membersihkan udara.



Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam *Cassia* edisi hadapan.

APA KATA MEREKA? Cabaran Wanita Di FGV



Pengalaman saya sebagai seorang Penolong Pengurus wanita di ladang memerlukan saya tetap bertanggungjawab sama seperti Penolong Pengurus lelaki tanpa kompromi termasuk melakukan rondaan di ladang, menghadiri *rollcall* seawal enam pagi dan sentiasa bersedia menyelesaikan masalah berbangkit walaupun sudah larut malam. Selain itu, pembahagian masa sebagai isteri dan ibu juga adalah cabaran terbesar bagi saya kerana kerap *outstation*. Walaubagaimanapun, saya bersyukur kerana dikelilingi oleh bos dan rakan-rakan sekerja yang memberi kerjasama dan bertolak ansur serta suami yang memahami tuntutan kerjaya saya.

- Nor Zariyah Abdul Razak, FGVPM, Wilayah Serling



Usaha untuk mengimbangi antara kerjaya profesional dan kehidupan peribadi adalah salah satu cabaran, terutama kepada petugas wanita berkahwin yang bekerja. Namun, saya cuba untuk tidak menekankan jadual yang sempurna sebaliknya berusaha untuk mencapai jadual yang realistik. Saya lebih fokus pada pekerjaan untuk tempoh beberapa hari, dan meluangkan masa pada hari-hari lain untuk bersama keluarga.

- Ain Sakinah Zulkifli, FGVH

Sebagai salah seorang wanita dan petugas di dalam syarikat yang majoritinya lelaki, cabaran yang saya hadapi adalah untuk memberikan komitmen yang terbaik dan melaksanakan tugas seperti petugas lelaki. Walaubagaimanapun, saya bersyukur kerana dikelilingi ahli keluarga dan rakan sekerja yang baik, positif dan sentiasa tidak lokek memberikan pendapat dan buah fikiran.

- Iriena Yusop, FGVPI, Makmal Analisa Bukit Besar



Saya belajar menjalani norma baharu untuk mengimbangi kerjaya dan kehidupan dalam situasi pandemik COVID-19. Segala konflik keseimbangan antara kerja dan kehidupan boleh diatasi dengan semangat kerjasama dan kepekaan dari pelbagai pihak seperti keluarga termasuk pasangan, majikan dan rakan sekerja serta kita sentiasalah muhasabah diri.

- Fauzienani Md Said, FGV Prodata



Cabaran sebagai seorang setiausaha yang bekerja di FGV amat klise di mana kebanyakan orang skeptikal dengan kerjaya setiausaha yang hanya bekerja dengan ketua sahaja. Walaubagaimanapun, hakikatnya setiausaha pada masa kini multitugas. Cabaran menjadi seorang setiausaha juga sama mencabar seperti petugas yang lain.

- Ct Nurbaya Ismail, FGV Transport



PKP Beri Peluang Hargai Keindahan Negeri Sendiri

Sekatan rentas negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 telah menjejaskan industri pelancongan domestik. Keinginan untuk bercuti ke destinasi menarik di dalam negara terpaksa dipendamkan sehingga keadaan bertambah baik.

Hikmahnya, kita masih boleh mengunjungi tempat-tempat menarik di dalam negeri kita sendiri. Itulah yang saya lakukan walaupun sekadar berjoging atau berjalan-jalan secara santai di sekitar Kuala Lumpur, tempat tinggal saya sejak kecil sehinggalah sekarang.

Sambil beriadah, saya juga dapat merakamkan gambar-gambar menarik di sekitar Taman Tugu dan

Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutan? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke groupstrategiccommms@fgvholdings.com

Tarikh tutup: 30 April 2021

Taman Tasik Perdana serta bangunan-bangunan bersejarah seperti Masjid Jamek, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Bangunan Keretapi Tanah Melayu. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah dinaiktaraf laluan kaki lima yang dinamakan "River of Life" bagi aktiviti riadah warga Kuala Lumpur.

Mungkin ada lagi tempat-tempat menarik yang belum sempat saya kunjungi. Oleh itu, saya bercadang untuk menerokai tempat-tempat menarik ini untuk menghargai keindahan negeri saya sendiri.

oleh:

Isnan Fitri Mohd Azmi
FGVH



CABARAN LANGKAH 10 KM LARIAN VIRTUAL FGV 2021

ANJURAN KELAB SUKAN FGV

TERBUKA KEPADA SEMUA AHLI KSFGV!
PENDAFTARAN ADALAH PERCUMA!



LANGKAH 1:

DAFTAR SEGERA!!

<https://forms.gle/LzrUqoNgCbdQRP6Z9>

LANGKAH 2:

MULAKAN LARIAN ANDA

Rekod maklumat larian menggunakan aplikasi larian yang sesuai seperti STRAVA, RunKeeper

LANGKAH 3:

HANTAR BUKTI LARIAN ANDA

<https://forms.gle/CPTezyK79yk9DwZ36>

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tarikh pendaftaran:

15 April 2021 – 30 April 2021

Tempoh larian:

Sehingga 30 Jun 2021

Tarikh penyerahan bukti larian

Sebelum 10 Julai 2021

Syarat penyertaan

- Ahli KSFGV

- Bagi ahli yang membuat larian terkumpul (contoh ; Isnin 1km-15 minit, Selasa 2km-28 minit) sila buat screen shot bagi setiap catatan masa tersebut.

Setiap penyertaan akan menerima e-sijil dan cenderahati KSFGV

Cabar Diri Anda. Bila-Bila Masa. Di Mana Jua. Berjalan. Berlari

TAHNIAH PEMENANG PERADUAN WANITA FGV YANG SAYA KAGUMI



Haslina Ismail

Istimewanya wanita, terletak di hatinya yang berjiwa besar dalam kerjaya mahu pun dalam kehidupannya. Wanita FGV yang saya kagumi ialah Puan Haslina Ismail. Beliau merupakan Eksekutif Kanan Pentadbiran dan Kewangan FGV Transport, Pasir Gudang. Saya mengagumi beliau kerana beliau sentiasa berfikir positif dalam apa jua situasi. Datanglah segala masalah atau cabaran, pasti beliau hadapinya dengan tenang. Pengalamannya selama 33 tahun dalam FGV Transport menjadikan beliau sentiasa menjadi rujukan oleh petugas lain sama ada di depot beliau bekerja atau pun daripada depot lain.

Kerjaya beliau bermula daripada bawah, berkat kegigihan dan kerajinan akhirnya beliau berjaya menyandang jawatan eksekutif kanan Pentadbiran dan Kewangan. Beliau merupakan seorang ibu kepada dua orang anak. Walaupun beliau sibuk bekerja, tetapi beliau berjaya mendidik anak-anaknya sehingga berjaya ke menara gading. Keseimbangan antara kerjaya dan rumah tangga membuka mata saya bahawa wanita bekerja juga boleh mendidik anak-anak sehingga berjaya. Walaupun kami mempunyai masa yang sangat terhad bersama anak-anak, itu bukan batu penghalang untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan dan kehidupan yang sempurna. Kejayaan beliau dan anak-anaknya sangat memberi inspirasi buat saya.

Nur Amalina Alwi

Wanita yang saya kagumi ini juga merupakan seorang yang lemah lembut dan sopan tutur katanya, tetapi tegas. Setiap nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan tidak ubah seperti seorang ibu yang mengajar anaknya. Sekiranya ada petugas yang melakukan kesalahan, hukuman tetap akan diberikan setimpal dengan kesalahan yang dibuat berlandaskan peraturan syarikat. Beliau banyak mengajar saya erti tanggungjawab dan amanah dalam bekerja sehari-harian. Beliau tidak pernah lokek untuk berkongsi ilmu kepada saya ataupun petugas bawahan beliau. Tidak hairanlah beliau sangat dihormati dan disayangi oleh petugas FGV Transport, Pasir Gudang, Johor.

Oleh Nurul Nadia Mohd Zainal, FGV Transport, Kuantan

Di setiap tempat bekerja bukan lagi satu taboo untuk melihat susuk wanita menggembleng tenaga seperti lelaki yang bekerja untuk membantu keluarga, minat dan rasa seronok bekerja. 8 Mac 2021, dengan tema Wanita Bangkit Mendepani Cabaran, bagi aku amat sesuai dengan seorang wanita di FGV SSC yang aku kagumi ini.

Jamilah Abd Razak nama diberi. Susuk tubuh yang sangat aku hormati. Pertama kali aku menyentuh SAP, wanita ini yang aku panggil Kak Jem banyak mengajar aku tentang sistem. Memberi tunjuk ajar tanpa jemu dan sentiasa memberi kata-kata semangat untuk meneruskan kerja walau pelbagai rintangan dan cabaran dihadapi dalam meneruskan perjuangan kerja. Sering disiram kata-kata "pedas", namun cukup menyedarkan diri ini. Salah seorang yang mendorong aku menerima tempat aku sekarang adalah beliau. Beliau sangat mengambil berat akan anak-anak buahnya dan sentiasa memberi bantuan bila diperlukan.

Pengalaman kerja yang hampir di penghujung menjadikan Puan Jamilah lubuk ilmu. Dengan pengalaman beliau di dalam kerja, beliau layak untuk dikagumi dan dihormati. Tugas sebagai pekerja dan dalam masa yang sama seorang ibu serta isteri membuktikan beliau seorang pengurus masa dan kerja yang baik. Walau pelbagai rintangan dan ujian di hujung kerjaya beliau, tanggungjawab beliau masih utuh dipikul. Masih menjadi contoh dan ketua yang baik. Benarlah ungkapan ini, "tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia". Semangat dan kekuatan Puan Jamilah memberi contoh yang baik kepada kami anak-anak muda untuk terus bekerja.

Oleh Mohammad Nur'izwan, FGV SSC



Jamilah Abd Razak



Peraduan Aktiviti Ramadan

Bulan Ramadan bulan yang amat dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam. Selain memperbanyakkan aktiviti ibadah tentu sahaja anda ada aktiviti lain yang menarik untuk dilakukan.

Kongsikan dengan kami **foto** aktiviti-aktiviti anda semasa bulan Ramadan dan ceritakan kisah di sebalik foto tersebut tidak lebih daripada **100 patah perkataan**.

Hadiah-hadiah menarik menanti anda!

Hantarkan penyertaan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke nombor +60 19-200 4600.

Tarikh tutup penyertaan: 30 April 2021.

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

